

# Jangan bermain api — PM

11 AUG 2002

Oleh YUSRI SAHAT  
dan AHMAD NAZERI HASHIM

TANJUNG MALIM 10 Ogo — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran keras kepada puak ekstremis Cina supaya tidak bermain api dengan terus membangkitkan sentimen perkauman dalam isu pelaksanaan penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik.

Kerajaan, tegas beliau, tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap puak terbabit yang cuba membakar perasaan kaum Cina sehingga boleh mencetuskan huru-hara di negara ini.

“Mereka bermain dengan api. Ini peringatan kepada puak ekstremis ini. Jangan ingat mereka boleh main isu ini. Ini termasuk akhbar (berbahasa Cina) yang sengaja memainkan isu perkauman.

- Keputusan kerajaan  
muktamad — Muka 3

“Sesiapa buat sesuatu untuk membangkitkan perasaan perkauman sehingga tercetus huru-hara dan eebelum itu berlaku, kita akan ambil tindakan. Negara kita ada undang-undang,” tegasnya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan dan berdialog bersama pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sini hari ini.

Isu pelaksanaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik menjadi panas apabila Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Jiao Zhong, Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zhong) dan Dewan

■ Lihat muka 4

# Jangan bermain api — PM

Perhimpunan Cina Selangor bertekad tidak mahu menerima cadangan pelaksanaan itu.

Penentangan itu dibuat atas alasan ia boleh menghakis budaya masyarakat Cina di samping menjejaskan prestasi akademik serta kecemerlangan pelajar dalam kedua-dua mata pelajaran berkenaan.

Semalam, Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurusan Sekolah Cina Malaysia dan Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Dong Jiao Zhong) menyalahkan kerajaan kerana melaksanakan dasar itu secara terburu-buru sehingga boleh menghakis identiti Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

Dr. Mahathir berkata, sentimen perkauman yang dibangkitkan oleh puak ekstremis dan akhbar terbabit adalah sangat bahaya terhadap perpaduan kaum di negara ini.

Puak ekstremis dan akhbar berkenaan, katanya, cuba menakutkan perasaan kaum Cina dengan menuduh kerajaan berhasrat menukar identiti SJKC menerusi dasar baru itu.

"Mereka cuba menakutkan orang Cina. Ini satu bahaya. Saya ingin nasihatkan mereka jangan main dengan isu semacam itu.

"Kerajaan terpaksa bertindak. Ada orang fikir mereka begitu penting sehingga orang lain tidak berani bertindak," katanya.

Dr. Mahathir memberitahu, puak ekstremis itu hanya merupakan kelompok kecil dalam masyarakat Cina, tetapi berjaya menggunakan media untuk membakar perasaan kaumnya.

Ditanya sama ada tindakan akan diambil terhadap akhbar terbabit, beliau berkata, itu terpulung kepada pihak penguat kuasa untuk bertindak.

Beliau juga enggan menyebut nama akhbar tersebut sambil berkata: "Siapa baca akhbar itu, dia tahulah."

Menjawab soalan hingga ke tahap mana bahaya tindakan puak ekstremis dan akhbar berkenaan,

beliau berkata, ia terpulung kepada penguat kuasa untuk menilainya.

"Kalau mereka (penguat kuasa) dapati sudah sampai ke tahap bahaya, mereka akan ambil tindakan," tegasnya.

Perdana Menteri menjelaskan, puak ekstremis tersebut bukan sahaja enggan mematuhi dasar baru kerajaan itu bahkan tidak mahu belajar Melayu dan Cina bercampur dalam satu sekolah.

Tegasnya, puak terbabit juga merupakan kumpulan yang lantang menolak pelaksanaan Sekolah Wawasan yang dicadangkan oleh kerajaan tidak lama dulu.

"Orang ini bukan sahaja tidak hendak bahasa Inggeris, mereka juga tidak hendak budak Melayu dan Cina bercampur. Dekat pun tak boleh. Sebab itu mereka menentang Sekolah Wawasan," katanya.

Dr. Mahathir sekali lagi menegaskan, pelaksanaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik bukan bertujuan menghakis identiti masyarakat Cina dan SJKC.

Ini kerana katanya, undang-undang negara menetapkan bahawa SJKC tidak boleh diubah menjadi Sekolah Kebangsaan menerusi pindaan-pindaan akta yang telah dilakukan sebelum ini.

"Kita tidak ada niat hendak tukar sekolah Cina kepada sekolah Melayu kerana undang-undang tidak bernaikan. Dulu kata kita mesti pinda undang-undang ini dan kerajaan telah pinda," katanya.

Sehubungan itu, beliau sekali lagi mengingatkan kepada semua pihak terutama puak ekstremis dan akhbar Cina menghentikan dakwaan mereka yang menuduh kerajaan mahu menukar SJKC kepada Sekolah Kebangsaan.

Mengulas kritikan Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Tan Sri Mohamed Rahmat terhadap sikap MCA yang tidak ikhlas memperjuangkan dasar baru itu kepada kaum Cina, katanya: "Yang itu kita selesaikan dengan MCA."

Dalam pada itu, Dr. Mahathir memberitahu, pelaksanaan penggunaan bahasa Inggeris bagi kedua-dua mata pelajaran tersebut tetap dilakukan mengikut jadual tahun depan.

Beliau memberi jaminan dasar baru itu tidak akan menimbulkan masalah kepada guru dan ibu bapa.

"Kita sudah siapkan jadual dan kita akan ikut jadual itu serta tidak akan menyebabkan masalah kepada ibu bapa dan guru," tambahnya.

Sementara itu, ketika berucap dalam perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin BN Perak di IPOH, Dr. Mahathir meminta mereka supaya tidak mempolitikkan isu penggunaan bahasa Inggeris tersebut.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri mereka harus menganggap langkah kerajaan berbuat demikian sebagai satu usaha untuk menaikkan lagi tahap pencapaian bangsa Malaysia.

Dr. Mahathir menegaskan, beliau bimbang jika isu tersebut dipolitikkan untuk kepentingan sesuatu kaum maka tidak akan ada lagi kerjasama antara kaum yang selama ini dipertahankan oleh BN.

"Sebab itu saya ingin merayu kepada pemimpin BN, sama ada Melayu, Cina dan India supaya jangan mempolitikkan soal pengajaran bahasa Inggeris untuk mengajar Sains dan Matematik.

"Ia bukan satu elemen politik, hanya yang kita hendak ialah supaya rakyat Malaysia yang terdiri daripada orang Melayu, Cina, India dan lain-lain suku kaum adalah rakyat yang berilmu yang terpelajar dan boleh berhujah bersama dengan rakyat negara maju apabila bertemu dalam majlis antarabangsa," tegas beliau.